

# Nadma sedia khemah, kit makanan untuk Labuan

LABUAN: Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) meluluskan pembekalan 500 unit khemah dan 200 kit makanan untuk Labuan sebagai persiapan menghadapi monsun timur laut.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Labuan Dr Fary Akmal Osman berkata keputusan itu dibuat susulan pertemuan Nadma dengan Zon Sabah dan Labuan pada Jumaat berikutan hujan lebat dan kemungkinan banjir ketika monsun itu yang bermula Oktober hingga Mac.

Turut hadir dalam pertemuan itu adalah wakil dari Sabah, Angkatan Pert-

hanan Awam Labuan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Kami berterima kasih kepada Nadma atas perhatian dan bantuan mereka kepada Labuan kerana ini pasti akan mengurangkan beban pihak berkuasa tempatan dalam menghadapi kemungkinan bencana. "Dengan khemah yang boleh dilipat ini, mangsa banjir akan mempunyai ruang yang lebih selesa jika diarahkan berpindah," kata Dr Fary sambil menambahkan bahawa bekalan berkenaan akan dihantar pada Oktober. Dr Fary berkata latihan simulasi kecemasan akan dilaksanakan untuk

menghadapi kemungkinan kebakaran dan banjir di pulau itu.

Bagi membantu jawatankuasa pengurusan bencana dalam menangani bencana dan cabaran lain yang berkaitan dengan bencana katanya, terdapat cadangan agar pasukan sukarelawan masyarakat ditubuhkan di semua kampung dan kawasan perumahan.

Nadma setakat ini menyumbang pelitup muka, pensanitasi tangan, peralatan pelindung diri seperti kasut keselamatan serta termometer berikutan pandemik Covid-19 di Labuan. - Bernama